

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN
ANTARABANGSA

TARIKH:11.03.2022 MASA:5.00PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN *THE ARC - PROGRAM ART IN
THE CITY*

OLEH

YANG AMAT BERHORMAT TUAN CHOW KON YEOW
KETUA MENTERI PULAU PINANG

TARIKH / MASA / TEMPAT

12 MAC 2022 (SABTU)
8.00 MALAM

DATARAN PEMUDA MERDEKA
BUTTERWORTH

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Malam dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Perasmian *The Arc* – Program *Art in the City* di Dataran Pemuda Merdeka, Butterworth yang merupakan inisiatif lanjutan daripada program *Art in the City* oleh Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya (CENDANA), Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dengan kerjasama Think City Sdn. Bhd. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak penganjur kerana sudi menjemput saya ke program dan menyampaikan ucapan pada malam ini.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang yang hadir bersama dan seterusnya merasmikan program pada malam ini. Selain itu, sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Think City Sdn. Bhd. dan Zart Eventive Enterprise kerana menjalin kerjasama strategik dengan MBSP dalam usaha-usaha untuk meremajakan dan membangunkan semula Bandar Butterworth ke arah *liveable city* yang lebih ceria dan *vibrant* di Seberang Perai.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya (CENDANA) dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang bersama-sama Think City Sdn. Bhd. memilih Butterworth sebagai salah satu lokasi Projek *Light* ini.

Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis MBSP, Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, warga kerja MBSP, rakan-rakan media dan para penduduk Butterworth, pengunjung-pengunjung dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada malam ini.

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan
Yang Dihormati Sekalian,**

Projek *Light* merupakan sebuah inisiatif lanjutan daripada program *Art in the City* dengan kerjasama Think City Sdn. Bhd. untuk menghidupkan bandar dengan seni awam dan persembahan di bandar-bandar terpilih. Program ini melibatkan pemasangan seni awam dan persembahan yang telah dikurasi (*curated*). Projek ini bertujuan untuk:

- i. Menyemarakkan bandar dengan pemasangan seni awam lampu dengan menggunakan elemen cahaya;
- ii. Memberikan inspirasi dan motivasi kepada komuniti kreatif dan orang awam;
- iii. Menjana peluang pekerjaan untuk artis tempatan, pekerja dalam bidang seni, krew produksi, fakbrikator dan banyak lagi di bandar-bandar yang terpilih;
- iv. Memberi sokongan kepada seniman dan kolektif yang bakal meningkatkan kerjasama antara satu sama lain;
- v. Mengharmonikan pihak berkepentingan awam dan persendirian dalam melindungi dan menyumbang kepada pembangunan sektor kreatif.

Program ini telah dijadualkan untuk berlangsung dengan pemasangan seni awam dan persembahan yang telah dikurasi di enam lokasi terpilih di Malaysia. Di Pulau Pinang, Dataran Pemuda Merdeka, Butterworth telah terpilih sebagai lokasi Projek *Light*. Dataran Pemuda Merdeka ini terletak bersebelahan Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi di Jalan Bagan Luar dan diurus oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai. Padang ini merupakan sebuah tapak popular di mana pelbagai acara awam terkenal pernah dilangsungkan. Di samping itu, ianya terletak berhampiran Butterworth Art

Walk, iaitu di Lorong Bagan Luar 2 yang merupakan sebahagian daripada Zon Seni dan Budaya yang telah dijenamakan pada penghujung tahun 2019.

Selain itu, kalau kita perhatikan di hadapan *The Arc*, di pameran seni lukisan kontena yang merupakan sebuah acara Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang disokong oleh Pejabat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan (PETACH), Penang Global Tourism (PGT), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan
Yang Dihormati Sekalian,**

Projek *Light* di Seberang Perai bertajuk *The Arc* merupakan pemasangan seni dan inisiatif lanjutan daripada program *Art In The City* yang dibiayai oleh Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya (CENDANA), Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dengan kerjasama Majlis Bandaraya Seberang Perai serta Think City Sdn Bhd dan dikendalikan oleh Zart Eventive Enterprise. Program ini melibatkan

pemasangan seni awam dan persembahan yang telah dikurasi dengan kos geran RM180,000.00.

Projek *Light* telah memilih *The Arc* hasil cetusan idea Encik Ahmad Zaini bin Zainul Abidin yang diilhamkan berdasarkan sejarah Selat Penang yang memainkan peranan sebagai laluan pengangkutan yang penting untuk perkapalan dan pengkalan di Pulau Pinang. Karya ini dihasilkan dengan struktur melengkung dengan ketinggian 14 meter dan keluasan sepanjang sembilan (9) meter yang akan menyalakan padang, di samping menjadi pentas bagi program yang berlangsung di tapak. Program jangkauan 'Alun Arus' pula diadakan untuk mengembalikan sinar harapan kepada artis tempatan.

Encik Ahmad Zaini bin Zainul Abidin merupakan Pengarah Urusan Zart Eventive. Sebagai seorang arkitek, pencinta seni, kolektor seni, pengarca dan pelukis, Beliau sangat berminat dalam seni lukis dan seni bina namun kini menumpukan minatnya ke arah perpaduan dalam komuniti kampung halamannya, Butterworth, Pulau Pinang dengan program dan acara berkaitan seni.

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan
Yang Dihormati Sekalian,**

Program pada malam ini amat bermakna buat kita semua kerana ianya merupakan satu usaha yang perlu dilihat dari sudut positif untuk bersama-sama ke arah meremajakan Bandar Butterworth. Saya ingin mengucapkan terima kasih, syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat pada program malam ini.

Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada semua pengunjung dan penduduk sekitar Butterworth dan luar daripada Butterworth kerana bersama-sama menjayakan program-program MBSP. Akhir kata, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah bersama-sama dengan MBSP dalam pembangunan Seberang Perai dan memberikan yang yang terbaik untuk keselesaan dan kesenangan untuk rakyat

Sekian. Terima Kasih

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh***